



JABATAN KETUA MENTERI
Chief Minister's Department
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900
Faks : +6088-211 016

Rujukan : JKM.100-4/62
Tarikh : 01 April 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pejabat Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan,

**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM BERKAITAN DENGAN PELAKSANAAN
PROGRAM KERAJAAN**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang telah sedia maklum, Kerajaan telah merangka Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya dan projek-projek pembangunan yang akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini. Tanggungjawab pegawai awam ialah memastikan setiap inisiatif dan langkah yang diambil oleh Kerajaan hendaklah dilaksana dengan lancar dan segera.

3. Saya ingin mengingatkan kepada semua pegawai awam perlu mempunyai jati diri melaksanakan tanggungjawab dengan amanah berteraskan profesionalisme dan integriti yang kukuh. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai yang menjelaskan usaha Kerajaan dalam membangun dan memajukan negeri ini.

4. Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada pegawai awam yang bertindak sengaja untuk tidak melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

"SABAH MAJU JAYA"